

# Sharifah Mazlina berlepas ke Norway

BA 18/12/06

**K**UALA LUMPUR: Wanita Asia pertama merentasi Antartika secara solo, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, berlepas ke Norway malam tadi untuk menjalani latihan fasa kelima selama seminggu, sebagai persediaan mengharungi Ekpedisi Kutub Utara: Misi Kutub ke Kutub 2006/2007.

“Latihan kali ini membabitkan simulasi sebenar yang memberi penekanan kepada aspek fizikal, teknikal dan survival,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Pusat Rehabilitasi di Pusat Perubatan Pantai di sini, semalam.

Katanya, ketika latihan itu, beliau akan mencuba semua peralatan yang

bakal digunakan, termasuk pakaian dan alat komunikasi untuk melihat kesesuaian dan ketahanan peralatan terbabit.

Sharifah Mazlina berkata, tumpuan akan diberikan terhadap cara penggunaan kereta luncur salji iaitu peralatan khas untuk membawa semua barang keperluannya ketika ekspedisi itu.

Peralatan khas itu boleh terapung sekiranya terjatuh ke dalam air bagi memastikan semua peralatan yang dibawa selamat.

“Latihan kali ini penting untuk menguji semua peralatan yang akan digunakan dan pembaikan boleh dilakukan sekarang jika terda-

pat masalah sebelum latihan terakhir (fasa keenam) bermula,” katanya.

Syarifah Mazlina yang juga pensyarah Psikologi Sukan, Fakulti Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM), berkata ekspedisi kali ini lebih mencabar kerana beliau berisiko tinggi terjatuh ke dalam air berikutan bentuk muka bumi di Kutub Utara yang basah dan lapisan ais yang tipis.

Ekspedisi kali ini turut membabitkan latihan renang kerana beliau mungkin terpaksa berenang ketika ekspedisi itu jika ais pecah.

Sharifah Mazlina berkata, memandangkan beliau terdedah kepada an-

caman beruang kutub, beliau dibekalkan senjata api magnum .44, bagi mempertahankan diri.

Pada ekspedisi itu, beliau akan berjalan kaki berbanding ekspedisi lalu yang menggunakan ‘ski-sailing’, iaitu dengan bantuan angin.

Sharifah Mazlina yakin dapat menyempurnakan ekspedisi dua minggu itu yang akan bermula 8 April depan.

Pada 9 Dis 2004, beliau mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya merentasi Antartika sejauh 1,110 kilometer (km) dalam 22 hari, dua hari lebih awal daripada rekod sebelum ini yang dipegang seorang lelaki warga Britain. – Bernama